

Buka peluang profesional jadi calon BN
Utusan Online
29 Mac, 2012

MELAKA 28 Mac - UMNO wajar membuat pertimbangan untuk membuka peluang kepada golongan profesional untuk dipilih sebagai calon bagi mewakili Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, peluang BN untuk menang dengan majoriti dua pertiga pada pilihan raya akan datang lebih cerah jika peluang menjadi calon BN dibuka kepada orang daripada luar parti.

"Apa salahnya ambil orang luar yang ada bakat yang tidak tercemar dengan rasuah dan sebagainya seperti doktor atau guru-guru sekolah, ia sepatutnya dialu-alukan.

"Dulu guru-guru menjadi barisan hadapan UMNO, tetapi sekarang ini terlalu ramai ahli perniagaan yang hendak menjadi calon kerana atas kepentingan diri.

"Kita mahu orang berbakat yang ada kebolehan, barulah kita boleh mendirikan kerajaan berwibawa seperti Datuk Seri Idris Jala, beliau bukan ahli UMNO tetapi dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Simposium Kebudayaan Global Menggalakkan Kesatuan Dunia anjuran Sekolah Menengah Sains Muzaffar Shah di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

Dr. Mahathir berkata, beliau mendapati ada calon daripada UMNO yang tidak diterima oleh rakyat.

"Kalau kita meletakkan orang yang ada masalah itu, mungkin dia akan kalah tetapi masalahnya mahu letak siapa? Kalau tak bagi, ambil orang dari luar parti, saya ingat BN susah nak menang," ujarinya.

Menurutnya, jika orang dari luar parti diberi peluang menjadi calon, ahli UMNO wajar memberi sokongan asalkan dia adalah daripada BN.

Ujarinya, UMNO ketandusan barisan kepimpinan sejak berpuluh tahun lalu kerana parti menyekat golongan profesional daripada menjadi ahli.

"Atas kerana itu ramai doktor menjadi ahli Pas dan sekarang ini sukar untuk mencari calon berwibawa," katanya.

Sambil mengakui situasi itu berlaku pada zamannya sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Dr. Mahathir berkata, sudah tiba masanya UMNO membuka pintu kepada orang ramai untuk menjadi ahli tanpa ada sebarang sekatan lagi.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0329&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_05.htm